



Tamu

TEKS/FOTO : EMILIA SALIM

Nurul Izzah
**TEBUS
KESIBUKAN
DENGAN TIDUR
BERSAMA
ANAK-ANAK**



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Mudah mesra dan murah senyuman.

"Pada masa ini, saya memang agak sibuk dengan pelbagai aktiviti terutama yang melibatkan ibu-ibu tunggal dan juga mereka yang memerlukan. Antara aktiviti yang giat dijalankan adalah seperti memberi rawatan mamogram dan pap smear secara percuma."

Hanya mengenakan sepasang baju kurung rona hitam putih dan tudung bawal dililit kemas, puteri sulung kepada pasangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datin Seri Dr. Wan Azizah ini masih kelihatan ayu walaupun tanpa secalit solekan. Walaupun baru berusia 32 tahun, Nurul Izzah, wanita yang pernah digelar 'puteri reformasi' ini terlihat matang dari setiap laku. Apatah lagi, kini sudah bergelar ibu kepada dua orang permata hatinya.

Sebagai seorang ibu dan ahli politik, tanggungjawab yang digalas bukan sahaja di rumah tetapi juga kepada masyarakat.

"Pada masa ini, saya memang agak sibuk dengan pelbagai aktiviti terutama yang melibatkan ibu-ibu tunggal dan juga mereka yang memerlukan. Antara aktiviti yang giat dijalankan adalah seperti memberi rawatan mamogram dan pap smear secara percuma. Memang ia tidak melibatkan ramai orang tapi apa yang saya tekankan ialah dari segi kualiti, bukannya kuantiti.

"Selain itu, saya juga banyak memberi tumpuan kepada penduduk kawasan saya di Lembah Pantai dengan cuba memberi sebaik mungkin bantuan dan sumbangan sedaya upaya saya. Program MyKasih telah dijalankan yang melibatkan 100 orang warga Lembah Pantai dengan memberi wang saku untuk mereka mendapatkan barangan keperluan yang berkualiti," ujar Nurul Izzah menceritakan aktiviti terkini beliau.

Sebagai isteri, Nurul Izzah bertuah kerana banyak mendapat sokongan dan dorongan terutamanya dari suami tercinta, Raja Ahmad Shahrir Iskandar. Mendirikan



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



"Mereka yang paling dekat dengan Allah ialah mereka yang paling banyak berbakti kepada masyarakat." - Nurul Izzah.

ahli politik. Apa yang saya sering lakukan ialah seboleh mungkin, apabila waktu tid saya akan tidur bersama anak-anak," cer Nurul Izzah yang turut mempunyai Sarjan dalam bidang Hubungan Antarabangsa.

Dalam mendidik anak-anak, Nurul Izzah banyak menggunakan ketegasan berbanding suaminya yang lebih bersifat penyabar. Namun, beliau sentiasa ingink yang terbaik untuk anak-anaknya. Justeru itu, pelajaran diutamakan dan beliau tidak memanjakan anak-anak dengan kemewahan sebaliknya melatih anak-an agar berdikari.

"Saya masih ingat kata-kata seorang ustaz iaitu mereka yang paling dekat dengan Allah ialah mereka yang paling banyak berbakti dengan masyarakat. Jad sebagai seorang ibu, kita jangan lupa peranan kita dalam masyarakat. Moga-moga dapatlah saya bantu ibu-ibu di luar sana untuk mendapat pembelaan sewaje kerana anak-anak mereka akan menjadi sebahagian dari masyarakat kita," akhirir ramah.

rumah tangga sejak masih bergelar penuntut di Universiti Tenaga Nasional, hasil perkahwinan bahagia, mereka dikurniakan dua orang cahaya mata comel yang diberi nama Raja Nur Safiyah, 4 ½ tahun dan Raja Harith, 2 ½ tahun.

Pengalaman Beratur Panjang

Bagi Nurul Izzah, anak-anak adalah aset penting bagi ibu bapa. Walaupun sibuk dengan politik, namun beliau tetap memberi penyusuan eksklusif kepada anak-anaknya sehinggalah berusia satu tahun setengah. Malah pengalaman beratur panjang sehingga ada kalanya menunggu selama tiga jam untuk membuat pemeriksaan doktor di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) adalah antara detik yang tidak dapat dilupakan beliau.

"Kedua-dua anak saya lahir secara normal dan tanpa epidural kerana saya tidak mahu ubat-ubatan itu memberi kesan terhadap anak saya. Saya juga memberi susu ibu terus pada bayi saya kerana saya rasa susu ibu baik untuk merangsang minda anak-anak dan mengeratkan hubungan antara ibu dan anak," jelasnya.

Disebabkan tuntutan tugas yang tinggi, Nurul Izzah mengakui jarang dapat bersama dengan anak-anak.

"Sehinggakan anak sulung saya, Safiyah kadang kala mengadu bahawa dia rindukan saya. Tetapi apabila dijelaskan, Safiya kini lebih memahami tugas saya selaku



"Sebagai seorang ibu, kita jangan lupa peranan kita dalam masyarakat. Moga-moga dapatlah saya bantu ibu-ibu di luar sana untuk mendapat pembelaan sewajarnya."